



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2018

**DEWAN SERI LESTARI, ARAS B1
KKLW, PUTRAJAYA**

**18 JANUARI 2018 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10:00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KKLW
Yang Berusaha Puan Norison binti Ramli
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKLW

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian,

Rakan-rakan media,

YB dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun di Majlis Amanat Tahun Baru 2018.
2. Ucapan Selamat Tahun Baharu 2018 kepada seluruh warga KKLW, Jabatan dan Agensi yang hadir pada hari ini.
3. Ucapkan tahniah dan syabas kepada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah menunjukkan usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program-program KKLW sepanjang tahun lalu.

4. Berharap usaha gigih ini perlu diteruskan untuk tahun 2018 memandangkan tahun ini merupakan tahun yang penting.

IMBASAN PENCAPAIAN KKLW 2017

5. Pada tahun 2017, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan KKLW adalah **99%**, iaitu **RM5.632 billion** daripada RM5.673 billion yang diperuntukkan.
6. Di antara program-program yang mencapai sasaran adalah:
 - a. Jalan Perhubungan Desa- 676.90 km (sasaran 640.35km) 105%;
 - b. Jalan Luar Bandar- 245.82 km (sasaran 220 km) 112%;
 - c. Bekalan Air Luar Bandar- 5,326 unit rumah (sasaran 3,000 rumah) 178%;
 - d. 415 Tabika Kemas dibaik pulih -142% (Sasaran 291 tabika);
 - e. 45,567 usahawan dibangunkan di bawah Program Latihan Keusahawanan MARA (142%); dan
 - f. 4,129 JKKK/P/OA mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa (116.3%).
7. Selain daripada program-program untuk penduduk luar bandar, KKLW juga turut aktif melaksanakan program-program antarabangsa seperti Mesyuarat Menteri-menteri Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan ASEAN dan juga *ASEAN Village Leaders Exchange Programme*. Platform antarabangsa ini dapat dimanfaatkan untuk bertukar-tukar *best practices* dan pengalaman khususnya dalam meningkatkan daya saing penduduk luar bandar.

PERANCANGAN KKLW TAHUN 2018

8. Peruntukan KKLW untuk tahun 2018 adalah sebanyak **RM9.48 billion**, di mana **RM5.61 billion** untuk belanja mengurus dan **RM3.87 billion** bagi peruntukan pembangunan meliputi antara lain:
 - a. Prasarana- RM2.07 billion;
 - b. Rumah PPRT – RM271.6 juta;
 - c. Program Pemajuan Kawasan – RM38.5 juta;
 - d. JAKOA- RM60 juta bagi Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli;
 - e. Keusahawanan – RM180 juta meliputi program di bawah KKLW dan MARA;
 - f. Pembangunan Tanah melibatkan tanaman semula getah dan sawit – RM582.9 juta;

- g. Lembaga Kemajuan Wilayah- RM182.6 juta; dan
 - h. KEMAS- RM37.59 juta meliputi pendidikan kanak-kanak dan pembangunan komuniti;
9. Selain itu, Dana Latihan Pendidikan MARA dan Program Ijazah Luar Negara JAKOA-MARA diteruskan dengan peruntukan RM2.87 billion yang melibatkan 90,015 pelajar.
 10. KKLW akan meneruskan program untuk memperkasa kepimpinan luar bandar dan sistem penyampaian seperti Sijil Tadbir Urus Desa yang akan melibatkan 5,000 JKKK/JKKKP/JKKKOA dengan peruntukan RM4 juta.
 11. Penekanan turut diberikan untuk meningkatkan kemahiran belia luar bandar melalui program-program TVET di bawah MARA, Kolej Universiti Agrosains Malaysia dan Kolej KEDA. Melalui kemahiran yang diperoleh, belia luar bandar dapat merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan mampu menjana pendapatan yang baik.
 12. Belia luar bandar yang berkemahiran juga boleh memulakan perniagaan sendiri di bawah Program Mobilepreneur. Untuk tahun ini, peruntukan adalah sebanyak RM5 juta dan melibatkan 500 usahawan.
 13. KKLW juga akan meneruskan pembinaan 1,649 buah Rumah Bina Negara di bawah FELCRA dan RISDA, dengan kos RM8.5 juta bagi mewujudkan kehidupan yang kondusif terutamanya untuk belia luar bandar.
 14. Dengan pelaburan yang begitu besar kepada penduduk luar bandar, kita berharap akan dapat meningkatkan sokongan rakyat kepada Kerajaan terutamanya dalam menghadapi PRU-14.

AMANAT

15. Untuk tahun 2018, KKLW mengutamakan projek-projek *quick wins* dan *touch points*. Semua projek perlu dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Februari 2018.
16. Projek *quick win* perlu dimulakan dan disiapkan segera dalam tempoh suku tahun pertama 2018 sebelum PRU-14. Ini adalah bagi membolehkan rakyat menikmati faedah daripada program-program dirancang.
17. Saya juga telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk memastikan semua projek-projek di bawah KKLW dapat dilaksanakan dengan segera, termasuk mengadakan perbincangan dengan pihak yang berkaitan.
18. KKLW juga akan memastikan sasaran program *Quick Win* bagi dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan.

19. Sempena tahun yang penting ini, kita perlu mengambil pendekatan berhati-hati termasuk mengambil kira implikasi jangka masa pendek dan panjang serta strategi komunikasi yang berkesan sebelum mengumumkan atau melaksanakan dasar-dasar baharu.
20. Ini adalah bagi mengelakkan penerimaan negatif rakyat, terutamanya jika dilihat sebagai membebankan rakyat.
21. Kita juga wajar mengelak daripada mengeluarkan kenyataan berbentuk provokasi, sebaliknya memberi tumpuan untuk mewujudkan *feel good factor* di kalangan rakyat. Kerajaan telah banyak melaksanakan program-program yang memberi faedah kepada rakyat dan usaha ini perlu diwar-warkan supaya dapat diketahui dan diterima oleh rakyat.
22. Kita juga perlu proaktif dalam menangkis persepsi negatif rakyat. Penjelasan mengenai isu-isu tular perlu dibuat melalui aplikasi *instant messaging* seperti **Whatsapp**, selain daripada menggunakan platform media sosial seperti Facebook dan Twitter berikutan kecenderungan rakyat Malaysia terutamanya penduduk luar bandar untuk menggunakan aplikasi **Whatsapp**.
23. Ucapan tahniah kepada KKLW kerana telah melaksanakan Program Pemukiman. Diharapkan program tersebut bermanfaat dan dapat meningkatkan kefahaman kakitangan KKLW dan agensi mengenai dasar dan keputusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
24. Saya juga berharap Dasar Pembangunan Luar Bandar-Transformasi Nasional 2050 dapat memberikan perspektif baharu dalam usaha "Membandarkan Luar Bandar". Dasar ini dijangka akan dilancarkan pada bulan Mac 2018 hasil daripada maklum balas dan sesi libat urus dengan golongan sasar.
25. Saya juga berharap warga KKLW dapat memberikan idea-idea baharu untuk meningkatkan pembangunan luar bandar. Kebiasaannya kita akan menggunakan *top-down approach* tetapi saya juga ingin mendengar pandangan warga KKLW terutamanya untuk mewujudkan program-program baharu.
26. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan *Value Innovation Centre* di setiap Kementerian yang bertujuan mempercepatkan inovasi dan menggalakkan percambahan idea dalam agensi Kerajaan. Selain itu, melalui penubuhan unit ini akan memberi keutamaan idea-idea kreatif untuk meningkatkan nilai perkhidmatan awam yang dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara.
27. Saya berharap inisiatif yang telah dirancang untuk tahun 2018 akan diberi perhatian yang serius oleh semua warga Kementerian dan Agensi bagi memastikan agenda pembangunan luar bandar dicapai.

PENUTUP

28. Mengalu-alukan 25 daripada 29 orang pegawai-pegawai baru yang hadir pada pagi ini yang telah melapor diri dari bulan September hingga Disember 2017 yang lalu. Semoga kehadiran pegawai akan dapat membantu menggerakkan jentera Kementerian sekaligus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.
29. Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.